



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 5 NOVEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM PERTIMBANG WUJUDKAN IADA SELATAN, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KPKM LAKSANA ANALISIS IMPAK PERATURAN PENUBUHAN LPKNDM -MOHAMAD SABU, SH -ONLINE	
3.	MALAYSIA-BAHRAIN KONGSI PENGALAMAN PENGURUSAN PENGAIRAN DAN TEKNOLOGI PERTANIAN, BERNAMA -ONLINE	
4.	MALAYSIA DAN NEW ZEALAND PERKUKUH KERJASAMA DALAM PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN, SIAKAP KELI -ONLINE	
5.	TERENGGANU GESA KENAikan HARGA LANTAI PADI, HM -ONLINE	LAIN-LAIN
6.	MATRADE, THE STAR -3	
7.	PULAU PINANG EDAR BERAS SENDIRI, NEGARA, KOSMO -14	
8.	PROJEK BIJAK TANI DI SEKOLAH, NEGARA, KOSMO -14	
9.	MEMBAJA GUNA DRON, LOKAL, HM -20	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



AM > BERITA

KPKM Pertimbang Wujudkan IADA Selatan

🕒 04/11/2024 08:04 PM



-- fotoBERNAMA (2024)

JASIN, 4 Nov (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang mempertimbangkan penubuhan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Selatan untuk membantu pesawah di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata menerusi penubuhan IADA Selatan itu, pengurusan air dan penanaman padi di ketiga-tiga negeri berkenaan akan lebih terurus.

"Pesawah di sini rata-ratanya masih bergantung pada sumber hujan kerana infrastruktur pengairan di sini belum sempurna malah kawasan ini juga tiada IADA khusus untuk membantu pesawah kerana berada di luar jelapang," katanya.



Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Baharu MARDI MR326 yang dirasmikan Ketua Menteri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di sini hari ini.

Mohamad berkata KPKM sedang berusaha untuk mendapatkan dana tambahan daripada kerajaan bagi memperbaiki saliran pertanian di kawasan luar jelapang, sebagai persediaan negara menghadapi ancaman perubahan cuaca yang semakin ketara.

Pada masa sama, beliau berkata beberapa perbincangan telah diadakan dengan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak untuk membuka jelapang padi baharu di kedua-dua negeri itu.



"Alhamdulillah, kerajaan Sarawak dalam Belanjawan Sarawak 2025 akan memperuntukkan RM500 juta bagi memperbaiki infrastruktur sawah di negeri itu.

"Semua usaha ini dilakukan adalah untuk mencukupkan keperluan beras negara pada masa akan datang," katanya.

Varieti MR326 yang diberi nama Kesidang merupakan varieti padi baharu Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) diperkenalkan untuk meningkatkan hasil dan alternatif kepada varieti sedia ada terutamanya di kawasan luar jelapang.

MR326 dihasilkan melalui kacukan induk SPD175 dan MR255, dan dikategorikan sebagai pokok yang sederhana tinggi, tegak serta daun pengasuh sederhana panjang dengan tempoh masa matang adalah sekitar 118 hingga 120 hari lepas tabur.

-- BERNAMA

MIHAS 2024, the World's Largest Halal Showcase, return...



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

KPKM laksana analisis impak peraturan penubuhan LPKNDM - Mohamad Sabu



Mohamad pada Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Bangunan Parlimen pada Isnin. Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang melaksanakan Analisis Impak Peraturan (RIA) bagi cadangan penubuhan Lembaga Perindustrian

Nanas, Kelapa dan Durian Malaysia (LPKNDM).

Menteri berkenaan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, hasil kajian itu dijangka dikemukakan kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada Mac 2025.

"Langkah melaksanakan kajian ini selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2021 - Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan," katanya menjawab soalan Datuk Mumtaz Md Nawi (PN-Tumpat) berkaitan penubuhan sebuah lembaga kelapa negara pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Isnin.

Menjawab soalan tambahan Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang) mengenai kebergantungan terhadap pengimportan bekalan kelapa dari luar negara serta langkah kementerian dalam mengawal harga barangan keperluan itu, Mohamad berkata, kerajaan akan memastikan bekalan kelapa import tidak melebihi 30 peratus.

"Memang pengeluaran kelapa di Malaysia ini masih di sekitar 70 peratus, ertinya kita perlu mengimport lebih kurang 30 peratus, kebanyakannya sudah tentu dari Indonesia. Kadangkala berlaku lambakan yang menyebabkan harga kelapa tempatan itu menjadi rendah.

"Kerajaan sedang berusaha supaya ketika berlaku lambakan dan sebagainya, harga kelapa tempatan menurun, kita harap kelapa itu tidak dijual dalam bentuk biji, (tetapi) diproses untuk dijadikan santan dan juga produk daripada kelapa itu dapat diperbanyakkan," katanya. - Bernama

taip untuk carian

AM

MALAYSIA-BAHRAIN KONGSI PENGALAMAN PENGURUSAN PENGAIRAN DAN TEKNOLOGI PERTANIAN

🕒 04/11/2024 04:23 PM



Kredit: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Malaysia telah berkongsi pengalaman dengan Bahrain mengenai pengurusan pengairan dan saliran serta berharap dapat bekerjasama dengan negara itu berkaitan teknologi penggunaan air kitar semula yang mampu menjimatkan kos pengeluaran pertanian.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan hari ini memaklumkan kedua-dua perkara itu disentuh dalam pertemuan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Dr Waleed Khalifa Almanea yang membuat kunjungan hormat kepada beliau di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini 28 Okt lepas.

"KPKM mengalu-alukan kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor pertanian antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan institusi penyelidikan di Bahrain sebagai inisiatif memperkukuh keterjaminan makanan.

"Selain itu, Malaysia berkongsi sasaran untuk meningkatkan pengeluaran sektor akuakultur daripada 40 peratus kepada 60 peratus dan berhasrat mempelajari teknologi serta kepakaran Bahrain yang berjaya menjalankan aktiviti akuakultur di laut secara meluas," mengikut kenyataan itu.

KPKM memaklumkan kerjasama antara kedua-dua negara itu boleh diterokai bagi meningkatkan aktiviti akuakultur tempatan di perairan Malaysia.

Mohamad dan Waleed Khalifa turut membincangkan potensi kerjasama dua hala dengan memfokuskan usaha bagi meningkatkan akses pasaran produk Malaysia ke Bahrain serta menerokai pasaran di negara-negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC), kata kenyataan itu.

Sementara itu, kementerian berkenaan dalam satu kenyataan berasingan memaklumkan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup telah menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah Kementerian Industri Utama (MPI) New Zealand Ray Smith di Menara LPP.

KPKM berkata dalam pertemuan 29 Okt lepas, kedua-dua pemimpin berbincang tindakan susulan khususnya kerjasama perdagangan pertanian serta keterjaminan makanan yang dibangkitkan Perdana Menteri New Zealand Christopher Luxon semasa lawatan rasminya ke Malaysia September lepas.

"Antara tindakan berkenaan adalah berkaitan usaha memuktamadkan tatacara pengeksportan nanas ke New Zealand

pasaran produk Malaysia ke New Zealand seperti sarang burung, makanan haiwan serta durian segar," menurut kenyataan itu.

Kenyataan KPKM itu turut memaklumkan Arthur mengalu-alukan cadangan kerjasama teknikal dalam bidang R&D antara MARDI dengan institusi penyelidikan di New Zealand.

Sebagai rekod, New Zealand merupakan salah satu rakan dagang aktif Malaysia dengan jumlah perdagangan pertanian antara kedua-dua negara mencecah RM5 bilion pada tahun lepas.

Hubungan kedua-dua negara dalam sektor pertanian turut terjalin melalui kerjasama dua hala dan serantau seperti Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA), Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia New Zealand (AANZFTA), Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

-- BERNAMA

KATA KUNCI

kpk

mohamad sabu

kunjungan hormat

bahrain

arthur joseph kurup

new zealand

mardi

BERITA BERKAITAN



KPKM LAKSANA ANALISIS IMPAK PERATURAN PENUBUHAN LPKNDM – MOHAMAD SABU

🕒 18jam lalu



M'SIA HARGAI NEGARA APT ATAS SOKONGAN PERKUKUH RANTAIAN BEKALAN MAKANAN SERANTAU

🕒 3hari lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2024	SIKAP KELI	ONLINE	

Malaysia Dan New Zealand Perkukuh Kerjasama Dalam Pertanian Dan Keterjaminan Makanan



KUALA LUMPUR, 4 NOVEMBER 2024 – Encik Ray Smith, Ketua Pengarah Kementerian Industri Utama (Ministry for Primary Industries (MPI)), New Zealand telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ([KPKM](#)) di

Menara Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur pada 29 Oktober 2024 sebagai salah satu agenda lawatan kerja beliau ke Malaysia.

Turut hadir ialah PYT Pam Dunn, Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia serta delegasi dari MPI dan Suruhanjaya Tinggi New Zealand di Kuala Lumpur.

Perbincangan semasa pertemuan tersebut berkisar sekitar tindakan susulan kepada perkara-perkara berkaitan sektor pertanian yang dibangkitkan semasa Lawatan Rasmi Perdana Menteri New Zealand pada bulan September 2024 yang lalu, khususnya mengenai kerjasama dalam bidang perdagangan pertanian serta keterjaminan makanan. Antara tindakan susulan yang sedang dilaksanakan adalah berkaitan usaha untuk memuktamadkan tatacara pengeksporan nenas ke New Zealand.



Pertemuan sulung kedua-dua pemimpin ini juga membincangkan usaha bagi meningkatkan akses pasaran produk Malaysia ke New Zealand seperti *edible bird's nest*, makanan haiwan serta durian segar. YB Timbalan Menteri turut mengalu-alukan cadangan kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

(MARDI) dengan institusi penyelidikan di New Zealand.

New Zealand merupakan salah satu rakan dagang yang aktif bagi Malaysia, dengan jumlah perdagangan pertanian antara kedua-dua negara mencecah RM5 bilion pada tahun lepas.



Hubungan kedua-dua negara dalam sektor [pertanian](#) juga turut terjalin melalui kerjasama dua hala dan serantau seperti Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA), Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia New Zealand (AANZFTA), Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

Hadir sama dalam pertemuan ini ialah YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian (DOA) serta pegawai-pegawai kanan KPKM.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Terengganu gesa kenaikan harga lantai padi



AZMAN (empat kanan) bersama pesawah yang hadir pada Seminar Industri Padi 2024. FOTO Baharom Bakar

Kuala Terengganu: Kerajaan Persekutuan digesa menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 dan RM1,800 bagi setiap satu metrik tan (mt).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan, dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kenaikan harga lantai padi itu bagi meringankan beban kos pesawah yang semakin meningkat terutama selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2024	THE STAR	MATRADE	3



▼ (From left) United TMC founder Tan Tong Choon building rapport with One Legend Kingdom's Wong Kok Loong and Wong Moe Loong, Joeyees Trading Sdn Bhd's Awaeang Anak Kwasin, Agriculture and Food Security Ministry (MAFS) Agriculture Counsellor Office (ACO) Beijing Agriculture counsellor Ting Ping Ping, ACO Beijing first Secretary Siti Zurianah Ismail, Blue Archipelago Bhd chief executive officer Sudeman Harith, SBH Marine Holdings Bhd executive director Saw Leng Hean and ACO Beijing marketing officer Wang Jixuan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2024	KOSMO	NEGARA	14

Pulau Pinang edar beras sendiri

GEORGE TOWN – Beras Cap Feri yang merupakan keluaran pertama Pulau Pinang akan mula dipasarkan pada akhir bulan ini.

Pengerusi Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata, pelancaran beras itu sepatutnya dilakukan pada Oktober tetapi ditangguhkan ekoran jadual Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu yang padat.

"Beras itu akan dipasarkan dalam kuantiti yang besar selepas kita mendapat lesen daripada Bahagian Kawal Selia Padi Beras.

"Beras Cap Feri juga akan menggunakan beras import di samping tempatan Pulau Pinang yang akan memberi manfaat kepada B40. Ia akan dipasarkan menerusi Jualan Rahmah serta jualan Agro Madani di seluruh Pulau Pinang," katanya.

Menurut Fahmi, sebahagian beras akan dijual kepada peniaga kecil seperti kantin sekolah, gerai makanan dan dijual pada harga lebih rendah daripada beras import lain di pasaran.

Tambahnya, setakat ini bekalan beras itu dipasarkan di sekitar Pulau Pinang kerana stok yang terhad.

Pada 20 Mac lalu, kerajaan negeri bersetuju untuk mengeluarkan beras tempatan berjenama sendiri dan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu untuk merealisasikan hasrat itu.

Projek Bijak Tani di sekolah

SEREMBAN – Sebuah sekolah di setiap negeri disasarkan untuk terlibat dalam Projek Bijak Tani oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC).

Pengarah Kelestarian Korporat MGTC, Nazmi Syahrin berkata, pihaknya berharap perkara itu dapat dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun sebagai usaha memperkasa generasi muda dengan pengetahuan dan kemahiran pertanian lestari.

"Jika dapat sekurang-kurangnya sebuah sekolah di setiap negeri dapat mengusahakan inisiatif ini kerana boleh menjana pendapatan," katanya pada Majlis

Perasmian Penyerahan Mesin Hidroponik Berputar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mantin di sini semalam.

Projek itu menggunakan mesin pertanian hidroponik bertenaga solar hasil ciptaan Zull Design Autotranic.

Seramai 100 pelajar dan tenaga pengajar di sekolah itu dan juga SMK Sungai Burong, Selangor bakal mendapat manfaat daripada projek berkenaan.

Sistem hidroponik berputar adalah teknologi baharu yang dapat meningkatkan kecekapan dan menjimatkan tenaga, malah memaksimumkan penghasilan tanaman di kawasan penghad.

Nazmi Syahrin sementara itu

berkata, projek berkenaan turut mendapat sokongan agensi seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) sebanyak RM20,000.

Pengurus Besar Bahagian Operasi PUNB, Fauzi Zakaria pula berkata, sokongan terhadap projek itu melambangkan komitmen pihaknya terhadap inisiatif kelestarian alam sekitar dan pendidikan pelajar.


"Insentif ini bagi menyokong amalan mesra alam sekitar dalam kalangan usahawan dengan menggalakkan syarikat penerima beralih kepada teknologi mesra alam dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga sedia ada," katanya.



NAZMI SYAHRIN (dua dari kiri) menunjukkan mesin pertanian hidroponik bertenaga solar di SMK Mantin, Seremban semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	20

Membaja guna dron



DRON jenis T20 Pro untuk kegunaan meracun dan membaja sawah milik pesawah, Mohd Yazid Yusrah, 41, di Tukang Sidin, Sungai Manik, Teluk Intan, Perak. Penggunaan teknologi dron atau kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) dalam sektor pertanian semakin mendapat tempat dalam kalangan petani moden, dilihat mampu mengurus ladang dengan cekap dan menjimatkan masa. Teknologi dron bagi sektor pertanian digunakan dalam proses penyemburan baja serta racun pada tanaman termasuk padi mampu mempercepat proses dan mengurangkan kebergantungan pada tenaga kerja manusia.